

Untuk Siaran Serta-merta**Boon Siew Honda Capai Perkongsian Pasaran Sebanyak 30%
Pada 2018, Syarikat Turut Umumkan Lima Strategi Utama
Bagi 2019**

- *Syarikat akan terus fokus ke atas penghasilan produk-produk berkualiti, mempunyai reka bentuk menarik dan prestasi mengujakan pada model-model baharu yang bakal diperkenalkan pada tahun 2019.*
- *Boon Siew Honda merekodkan prestasi jualan yang memberangsangkan pada tahun 2018, lebih kurang 156,000 unit telah dijual.*

Shah Alam, 24 Januari 2019 – Boon Siew Honda hari ini mengumumkan strategi bagi 2019 dengan matlamat untuk menjadi jenama peneraju dalam industri motosikal di Malaysia menerusi penawaran produk serta kedudukan jenama pada tahun ini. Strategi yang dirancang adalah berdasarkan kepada momentum yang dipacu oleh prestasi jualan pada tahun 2018.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Boon Siew Honda, Keiichi Yasuda berkata, “Demi memenuhi spektrum kegunaan dan gaya hidup – dari segi utilitarian, riadah dan premium, Boon Siew Honda telah mengukuhkan barisan produk Cub, Transmisi Automatik (AT), *Fun Bike* dan Motosikal Berkuasa Tinggi dengan memperkenalkan 12 model baharu serta 3 model yang telah dinaik taraf pada tahun 2018. Bukan itu sahaja, Boon Siew Honda juga melancarkan bilik pameran Honda BigWing dan Honda Impian X yang menawarkan pengalaman terbaik kepada para pelanggan kami. Boon Siew Honda telah merekodkan prestasi jualan yang cemerlang, di mana lebih kurang 156,000 unit telah dijual pada tahun 2018.”

Jumlah jualan Boon Siew Honda pada tahun 2018 naik sebanyak 28.7% berbanding 121,000 unit yang berjaya dijual di Malaysia sepanjang tahun 2017. Prestasi yang memberangsangkan ini turut meningkatkan peratusan perkongsian pasaran motosikal dari 26% pada 2017 kepada 30% pada tahun lepas. Wilayah tengah adalah penyumbang utama kepada jualan keseluruhan

Press Information

Boon Siew Honda dengan 55,263 unit atau 35.4%, diikuti oleh wilayah utara sebanyak 40,903 unit atau 26.2%.

Model RS150R dan Wave Alpha menjadi penyumbang utama kepada jualan keseluruhan Boon Siew Honda pada tahun 2018 dengan masing-masing mencatat 43,948 dan 36,895 unit.

Untuk tahun 2019, Boon Siew Honda dijangka melaksanakan strategi lebih agresif untuk menaikkan lagi jenama di Malaysia.

Bagi mencapai sasaran untuk menjadi jenama peneraju motosikal di Malaysia pada tahun 2019, Boon Siew Honda telah menggariskan lima strategi utama yang selari dengan hala tuju perniagaan mereka.

1. Peningkatan Jenama

Boon Siew Honda akan mengukuhkan barisan produknya pada tahun 2019. Syarikat dijangka melancarkan model baharu dan dinaik taraf yang memiliki reka bentuk, ciri dan prestasi lebih *sporty* sebagai maklum balas kepada permintaan daripada generasi muda.

2. Penambahbaikan Rangkaian Pengedar

Para pengedar merupakan rakan perniagaan yang sangat penting kepada Boon Siew Honda kerana kebanyakan pelanggan akan membeli motosikal Honda melalui mereka. Justeru, Boon Siew Honda akan terus menambah baik kualiti rangkaian pengedarnya menerusi pembukaan lebih banyak Honda Impian X. Honda Impian X ialah Bilik Pameran Konsep Honda Serba Baharu yang menawarkan satu pusat sehati untuk jualan dan servis bagi motosikal Honda dengan enjin sehingga 300cc. Bilik pameran baharu itu dibina untuk menambah baik kualiti servis dan pada masa sama, menyediakan akses lebih mudah kepada pelanggan motosikal Honda. Buat masa sekarang, Boon Siew Honda mempunyai 5 Bilik Pameran Honda Impian X.

3. Penambahbaikan Perkhidmatan Selepas Jualan

Untuk meningkatkan lagi kualiti selepas jualan, Boon Siew Honda akan menubuhkan Pusat Servis di kilangnya di Pulau Pinang. Bukan itu sahaja, Boon Siew Honda kini sedang giat mengembangkan pusat servis di cawangan pejabat di Kuala Lumpur dari segi ruang dan tenaga kerjanya untuk menyokong permintaan yang kian meningkat di kawasan ini. Sehingga kini, Boon Siew Honda memiliki 251 pusat servis di seluruh

negara. Boon Siew Honda juga akan melengkap dan melatih juruteknik dengan latihan yang komprehensif melibatkan aspek Latihan Jualan, Hospitaliti dan Teknikal.

4. Perkembangan Program Tunggangan Selamat

Boon Siew Honda amat menitikberatkan aspek keselamatan jalan raya. Justeru, syarikat telah menubuhkan Pusat Tunggangan Selamat Honda untuk mendidik penunggang di Malaysia mengenai etika dan disiplin ketika berada di atas jalan raya. Di samping itu, menerap pemikiran pentingnya keselamatan jalan raya serta kemahiran menunggang yang lebih baik. Objektif usaha ini adalah untuk membantu mengurangkan jumlah kemalangan dan menambah baik situasi trafik di Malaysia. Boon Siew Honda akan terus menggalakkan orang ramai untuk mengetahui kepentingan keselamatan jalan raya dan akan bekerjasama rapat dengan agensi-agensi kerajaan dalam menganjurkan seminar serta kempen keselamatan.

5. Perkembangan Pelumba Tempatan dan Sukan Permotoran

Menerusi sokongan padu Boon Siew Honda ke atas sukan permotoran dan pelumba tempatan, pelumba muda Honda dan pasukan mekanik Boon Siew Honda berpeluang meningkatkan pengalaman serta menambah baik kemahiran melalui latihan serta bersaing dalam banyak perlumbaan di peringkat antarabangsa dan tempatan.

Penyertaan jenama ini di litar lumba nyata membantu para pelumba tempatan untuk mengasah bakat mereka. Salah seorang daripadanya ialah juara Malaysia, Zaqwan Zaidi yang telah mengesahkan penyertaan beliau di dalam kelas Asia Superbike 1000cc (ASB 1000) pada acara Asia Road Racing Championship (ARRC) 2019 bersama pasukan Honda Asia-Dream Racing.

Pasukan itu akan diketuai oleh Encik Makoto Tamada (bekas pelumba MotoGP) yang bertindak selaku Pengurus Pasukan. Beliau dibantu oleh Encik Zulhemi Ahmad (Pengurus Boon Siew Honda Motorsport) sebagai Penolong Pengurus Pasukan. Selain Encik Zulhemi, pasukan mekanik Boon Siew Honda juga akan menjadi sebahagian daripada pasukan untuk bersaing dalam musim yang cukup mengujakan ini.

Sementara itu, beberapa orang pelumba yang kian meningkat naik dari Malaysia, Azroy Hakeem Anuar dan Helmi Azman dilihat menyahut cabaran lebih besar apabila menyertai pasukan MUSASHi Boon Siew Honda Racing dalam perlumbaan ARRC untuk kategori SuperSports 600cc bagi musim 2019.

Bagi permulaan tahun 2019, Boon Siew Honda telah memperkenalkan tiga model baharu iaitu Super Cub C125, CBR1000RR Fireblade SP dan CB1100 RS. Model-model ini dijangka akan sekali lagi mengujakan pasaran dan seterusnya menerajui industri motosikal di Malaysia pada tahun 2019.

Super Cub C125

Super Cub C100 diperkenalkan pada tahun 1958 buat pertama kalinya dan model ini telah memberi keseronokan dan memainkan peranan penting dalam kehidupan orang ramai sepanjang era tersebut. Selepas 60 tahun, ia terus menjadi motosikal paling popular sepanjang masa dengan angka jualan mencecah 100 juta unit di seluruh dunia.

Setelah sekian lama, Boon Siew Honda memperkenalkan versi baharu Super Cub, iaitu Super Cub C125 ke pasaran tempatan. Seiring dengan namanya, motosikal ini kini hadir dengan penyejuk udara bersesaran 125cc dan enjin SOHC empat lejang dengan sistem suntikan bahan api yang mampu menjana kuasa 6.79 kW pada 7,500rpm bersama tork maksimum 9.98Nm pada 5,000rpm.

Di sebalik gayaan aslinya, Super Cub C125 dilengkapi ciri keselamatan moden yang merangkumi lampu LED dan Sistem Kunci Pintar Honda. Model ini juga menawarkan akses kepada tangki minyak berkapasiti 3.7 liter di bawah tempat duduknya yang boleh dibuka secara elektronik.

Super Cub C125 hadir dalam tiga pilihan warna iaitu biru mutiara (Pearl Niltava Blue), merah mutiara (Pearl Nebula Red) dan hitam (Pearl Shinning Black). Ia boleh didapati di semua pengedar sah Honda bermula Januari 2019.

Super Cub C125 ditawarkan pada harga:

Model	Price
Super Cub C125	RM 13,999.00

Harga yang dinyatakan ialah harga cadangan di bilik pameran, tidak termasuk cukai jalan, insurans dan yuran pendaftaran.

Press Information**CBR1000RR Fireblade SP**

Selepas pengenalan CBR1000RR Fireblade pada acara Kuala Lumpur International Motorshow 2018, Boon Siew Honda melancarkan pula model CBR1000RR Fireblade SP. Jentera ini menawarkan prestasi tunggangan lebih hebat, ringan dan dilengkapi teknologi canggih untuk pengguna yang mahukan pecutan dan gemar menunggang di litar.

Honda Fireblade SP membawakan konsep 'Next Stage Total Control' ke tahap yang berlainan berbanding model Fireblade. Enjin 4 lejang DOHC dengan sistem penyejukan cecair bersesaran 1,000cc itu mampu menghasilkan kuasa maksimum 141kW pada 13,000rpm dan tork 114Nm pada 11,000rpm.

CBR1000RR Fireblade SP adalah lebih ringan iaitu 195kg dengan tujahan kuasa yang sama dan menjadi motosikal Honda pertama yang dilengkapi *Ohlin Smart Electronically Controlled Suspensions*. Ia juga hadir dengan tangki minyak titanium kompak berkapasiti 16L, Sistem Brek Brembo, *Quickshifter* dan *Cornering ABS*. Semua ini membolehkan CBR1000RR Fireblade SP menjadi sebuah model ke tahap yang lebih tinggi.

Dari segi luaran, Fireblade SP didatangkan dengan pelekat HRC *Tricolor*, bersama jalur berwarna putih dan biru yang menyerlahkan tradisi serta sejarah perlumbaan Honda.

CBR1000RR Fireblade SP ditawarkan pada harga:

Model	Harga
CBR1000RR Fireblade SP	RM 114,999.00

Harga yang dinyatakan ialah harga cadangan di bilik pameran, tidak termasuk cukai jalan, insurans dan yuran pendaftaran.

CB1100 RS

Boon Siew Honda turut mengejutkan pasaran dengan pelancaran Honda CB1100 RS serba baharu yang menjadi penambahan terbaharu ke dalam barisan model berkuasa tingginya. CB1100 RS mempunyai gaya sebuah motosikal *sport* tahun 70-an. Ia tampil dengan tangki minyak yang dihasilkan tanpa kesan pateri dan diserlahkan lagi dengan kehalusan pertukangan tangan. Lampu utama tunggal berbentuk bulat dan dua dial instrumen memberikan siluet yang tidak ditelan zaman. Semua lampu kini adalah LED untuk rekaan yang lebih moden.

Press Information

Jentera yang menawan ini dikuasakan oleh enjin DOHC empat injap empat lejang dengan sistem penyejukan cecair bersesaran 1,140cc. Ia mampu menjana kuasa mencecah 66kW pada 7,500rpm dan tork 91Nm pada 5,500rpm.

Gayaan sporty CB1100 RS disokong oleh chasis yang menggunakan geometri lebih tajam, selain dipadankan dengan suspensi hadapan *Showa Dual Bending Valve (SDBV)* yang lebih keras dan *Twin Showa remote reservoir rear shocks*. Ia juga dilengkapi rim tempaan aluminium bersaiz 17 inci, *dual radial-mount four-piston brake calipers* dan ABS untuk tunggangan lebih baik. Posisi tunggangan yang lebih rendah dan kompak menolak berat penunggang ke hadapan, sekali gus menyempurnakan lagi perubahan chasis tersebut.

CB1100 RS boleh didapati dalam warna hitam metalik (Darkness Black Metallic) dan perak metalik (Mat Beta Silver Metallic) bersama kemasan kemas serta teliti.

CB1100 RS ditawarkan pada harga:

Model	Harga
CB1100RS	RM 75,999.00

Harga yang dinyatakan ialah harga cadangan di bilik pameran, tidak termasuk cukai jalan, insurans dan yuran pendaftaran.

Maklumat lanjut, sila layari laman web www.boonsiewhonda.com.my atau hubungi talian Tol Percuma Boon Siew Honda: 1800-88-3993 (Isnin hingga Jumaat, 9am – 5pm, kecuali cuti umum).

Mengenai Boon Siew Honda Sdn. Bhd.

Boon Siew Honda Sdn Bhd, anak syarikat Honda Honda Motor Co., Ltd adalah usaha sama di antara Honda Motor Co., Ltd. dan Oriental Holdings Bhd. Ia mula beroperasi pada September 2008 dengan dua matlamat utama: Untuk menyatukan pengeluaran motosikal dan jualan di Malaysia, serta untuk mencapai kecekapan perkhidmatan dan kepuasan pelanggan yang lebih tinggi. Sebelum kemunculan syarikat baru ini, Boon Siew Sdn. Bhd. bertanggungjawab ke atas aspek pengilangan dan perniagaan borong produk motosikal Honda di Malaysia. Walaupun menyimpan keinginan untuk berkerjasama dengan syarikat-syarikat Honda lain di seluruh dunia, Boon Siew Honda Sdn. Bhd. akan mengukuhkan daya saing dan berusaha untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang melebihi jangkaan pelanggan

Press **I**nformation

For media enquiries:

Jireh Consult

Nur Suraya Abu Hassan

016-2455982

suraya@jirehconsult.com

Boon Siew Honda

Zharif Zaini

012-4990162

mohammad_zharif@bswhonda.com.my